

# **BATAS-BATAS PENGGUNAAN FIKIRAN DI DALAM MENTAFSIR AL QURAN**

Dr. Muhammad Zawawi Abdullah  
Jabatan Akidah Dan Falsafah  
Universiti Kebangsaan Malaysia

*The article discusses the use of aqal in interpreting the meaning of the verses of the Quran.*

Ulama berbeza pendapat tentang harus atau tidaknya menggunakan fikiran di dalam mentafsir ayat-ayat al-Quran. Namun, apabila diteliti dalil-dalil yang menjadi pegangan masing-masing, didapati mereka melihat dari sudut yang berbeza. Untuk menjelaskan perkara ini saya berpendapat, dalil-dalil yang dipegang oleh golongan yang tidak mengharuskan mentafsir al Quran dengan fikiran perlu kepada penjelasan dan ulasan.

**Dalil-dalil mereka ialah:**

1. Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud daripada Jundub bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

**”من قال في القرآن برأيه فلقيه الله أخوه“<sup>1</sup>**

(Sesiapa yang mengatakan (mentafsir) al-Quran dengan fikirannya, kemudian menepati kebenaran, sebenarnya ia telah melakukan kesalahan)

2. Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud juga daripada al-Zubair bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

**”من قال في القرآن برأيه فليتبوأ مقعد من النار“<sup>2</sup>**

(Sesiapa yang berkata mengenai al-Quran dengan fikirannya hendaklah ia menyediakan tempatnya di dalam neraka).

3. Diriwayatkan dari golongan Salaf al-Saleh; Para sahabat dan golongan-golongan selepasnya bahawa mereka amat berhati-hati atau enggan untuk bercakap tentang tafsir al-Quran. Abu Bakar al-Siddiq r.a. pernah ditanya tentang tafsiran satu huruf daripada al-Quran lalu ia berkata:

"Langit manakah yang sanggup memayungiku, dan bumi manakah yang akan sanggup menanggungku, kemanakah akan ku pergi, dan apakah yang perlu aku lakukan, sekiranya aku mentafsir satu huruf al Quran menyalahi kehendak Allah."<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup>Abu Daud, *Sunan Abi Daud* (Dalam Aun al Ma'bud) Kitab al ilm, bab al Kalam Fi Kitab Allah Bila ilm (Cairo, al-Maktabah al-Salafiyyah 1388H), J.X, hal. 85.

<sup>2</sup>Abu Daud, *Sunan Abi Daud* (Dalam Aun al Ma'bud) J. X, `Kitab al-ilm, bab al Tashdid Fi al Kadhib 'ala Rasul Allah', hal. 83.

<sup>3</sup>Dr. Muhammad Husain al Dhahabi, *al-Tafsir wa al-Mufassirun* (Cairo: Dar al Kutub al Hadithah, 1965), J.I, hal. 260.

Di dalam riwayat lain beliau mengakhiri kata-katanya itu:

"...Sekiranya aku (Abu Bakar) memperkatakan tentang kitab Allah dengan sesuatu yang aku tidak mengetahui."<sup>1</sup>

Said Ibn al-Musayyab seringkali ditanya tentang tafsiran ayat-ayat al-Quran tetapi jawapannya ialah: "Aku tidak akan mengatakan sesuatu tentang al-Quran".

Kadangkala beliau tidak berkata apa-apa (berdiam diri) seolah-olah beliau tidak dengar soalan yang dihadapkan kepadanya. Namun demikian kalau ditanya tentang hukum halal dan haram beliau terus menjawabnya. Ibn Sirin berkata:

Saya telah bertanya kepada `Ubaidah (al-Salmani) mengenai satu ayat al-Quran lalu ia berkata: orang-orang yang mengetahui hal-hal yang berkaitan dengan al Quran telah pun pergi (meninggal) oleh itu hendaklah engkau bertaqwa kepada Allah dan berpegangan-glah dengan kebenaran (عليك بالسداد)

Masruq berkata:

"Hendaklah engkau berhati-hati dalam mentafsir al-Quran kerana ia adalah meriwayatkan sesuatu daripada Allah".

al-Sha`bi pula berkata:

"Tiga perkara yang aku tidak akan bercakap mengenainya sehingga aku mati; al Quran, al ruh dan (takbir) mimpi."<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup>Dr. Muhammad, Muhammad Abu Syuhbah, *al-Israiliyat wa al-Maudauat Fi Kutub al-Tafsir* (Cairo, Maktabah al Sunnah 1408H.), hal. 78.

<sup>2</sup>Abdul Azim Ahmad al Ghubashi, *Tarikh al Tafsir wa Manahij al Mufassirin* (Cairo, Dar al Tibaat al Muhammadiyyah 1391 H), hal. 49; Abu Syuhbah, *al Israiliyat*, hal. 78.

## **Perbincangan Serta Ulasan Terhadap Dalil-dalil Di Atas**

Dalil-dalil di atas telah dibincangkan dengan teliti oleh golongan yang mengatakan bahawa menggunakan fikiran di dalam mentafsir al-Quran adalah harus.

1. Hadis Jundub tidak dapat dipastikan kesahihannya kerana salah seorang perawinya ialah Suhail Ibn Abi Hazm al-Qatî`i, yang mana al-Bukhari, al-Nasai dan Ibn Abi Hatim berkata:

Ia seorang yang tidak kuat hafalannya (ليس بالقوى)<sup>1</sup>

2. Beberapa jawapan telah dikemukakan mengenai hadis dan hadis al-Zubair di atas antaranya:

- a. Larangan di dalam kedua-dua hadis di atas ditujukan kepada seseorang yang mengatakan pendapatnya tentang ayat-ayat yang musykil dalam al-Quran, kerana hal ini tidak boleh diketahui kecuali melalui Nabi s.a.w. dan para sahabat r.a.
- b. Dimaksudkan dengan "القوي" di dalam hadis di atas ialah fikiran yang tidak berdasarkan kepada dalil. Adapun fikiran yang berdasarkan kepada dalil tidak termasuk ke dalam larangan tersebut. Larangan di dalam hadis di atas juga ditujukan kepada seseorang yang mentafsir al-Quran mengikut hawa nafsunya, mereka menjadikan pendapatnya sebagai asas dan mengambil ayat-ayat al-Quran untuk menyokongnya. Untuk tujuan itu mereka mentakwil ayat-ayat al-Quran sesuka hati mereka. Inilah yang selalu dilakukan oleh golongan-golongan yang hendak malariskan bidaahnya seperti Muktazilah, Syiah, Khawarij dan golongan-golongan yang mendakwa dirinya berilmu pada masa kini tetapi menyelewengkan ayat-ayat al-Quran daripada pengertiannya yang sebenar.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup>al-Dhahabi, *op.cit.*, J.I, hal. 259

<sup>2</sup>al-Dhahabi, *op.cit.*, hal. 364, 365; Abu Syuhbah, hal. 78.

3. Adapun riwayat-riwayat daripada Salaf al Saleh' para Sahabat dan Tabiin di atas tidak menunjukkan mereka menolak tafsir dengan fikirannya secara mutlak kerana di dalam riwayat-riwayat yang lain telah sabit mereka mentafsir al-Quran dengan fikiran mereka. Abu Bakar r.a. telah ditanya tentang maksud lafaz *al-Kalalah* (الكلاله) maka beliau pun berkata:

"Aku akan mentafsirkannya dengan fikiranku. Kalau menepati kebenaran ia daripada Allah. Kalau salah ia daripada diriku sendiri dan syaitan, Allah dan RasulNya suci daripada kesalahan itu. *Al Kalalah* ialah seorang yang (mati) tidak meninggalkan anak dan bapa."

Sewaktu Saidina `Umar r.a dilantik sebagai Khalifah, beliau berkata:

"Sesungguhnya aku sangat malu untuk menyalahi Abu Bakar tentang fikirannya."<sup>1</sup>

Berdasarkan kenyataan ini dapatlah dikatakan bahawa kata-kata Abu Bakar "langit manakah yang akan memayungiku ...," menunjukkan bahawa beliau tidak berani menggunakan pendapatnya dalam mentafsir tanpa berasaskan dalil dan ilmu. Beliau juga takut kepada kemurkaan Allah sekira tafsirannya tidak menepati kehendak Allah S.W.T. Demikianlah perlu kita memahami kata-kata serta perilaku golongan Salaf yang lain yang sikapnya menampakkan keengganannya dalam mentafsir al-Quran.

Di dalam hal ini Ibn Kathir berkata:

"Riwayat-riwayat yang sahih ini dan yang seumpamanya ber-maksud menunjukkan bahawa Salaf amat berhati-hati untuk memperkatakan tentang tafsir yang berkaitan dengan ayat-ayat yang tidak diketahui tafsirannya. Adapun memperkatakan tentang sesuatu ayat yang diketahui maksudnya berlandaskan fakta bahasa dan Syarak tidak ada apa salahnya. Oleh itu kita dapat banyak pendapat-pendapat mereka di dalam tafsiran al-Quran. Dalam hal ini tidak ada apa-apa percanggahan, kerana mereka bercakap mengenai perkara-perkara yang mereka tahu, sebalik-

---

<sup>1</sup>Abu Syuhbah: *op.cit.*, hal. 78.

nya mereka menjauhi daripada mengatakan sesuatu yang mereka tidak tahu. Inilah yang sebenarnya yang patut dilakukan oleh setiap orang.....,<sup>1</sup>

Ia bertepatan dengan firman Allah:

<sup>2</sup> لَتَبْيَّنَ لِلنَّاسِ وَلَا يَكُونُ<sup>3</sup>

(Kamu wajib menerangkannya kepada manusia dan tidak menyembunyikannya).

Dan sabda Nabi s.a.w.:

<sup>3</sup> مَنْ سُئِلَ عَنْ عِلْمٍ فَكُتِّمَ أَلْجَمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِالْجَمَامِ مِنَ النَّارِ<sup>4</sup>

(Barangsiapa yang ditanya mengenai suatu ilmu kemudian ia menyembunyikannya, maka pada hari kiamat nanti ia akan dipukul dengan pukulan api neraka).

### Keharusan Mentafsir al-Quran Dengan Fikiran

Telah jelas bahawa dalil-dalil yang dikemukakan oleh golongan yang tidak mengharuskan berijtihad di dalam mentafsir al-Quran tidak dapat dipertahankan. Oleh itu ternyata mentafsir al Quran dengan fikiran adalah harus. Allah S.W.T. memerintahkan supaya *bertadabbur* dan menggunakan fikiran untuk memahami ayat-ayat al-Quran. Firman Allah:

<sup>4</sup> إِنَّمَا يَعْبَرُونَ عَنِ الْقُرآنِ أَمْ عَلَى قُلُوبِ افْغَالٍ<sup>5</sup>

---

<sup>1</sup> Ibn Kathir, *Tafsir al Quran al-Azim*, (Cairo, Dar al Sya'b)J. I, hal. 18.

<sup>2</sup> Surah Ali `Imran, (3): 187

<sup>3</sup> Abu Daud, *op.cit.*, hal. 91

<sup>4</sup> Surah Muhammad, (47):24

(Adakah mereka sengaja tidak memahami serta memikirkan isi al-Quran? Atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalangnya daripada menerima ajaran al-Quran).

Di samping itu tafsir yang sahih daripada Nabi, para sahabat dan tabiin tidak mencakupi semua ayat al-Quran. Maka perlunya penggunaan fikiran tidak dapat disangkal lagi. Namun demikian penggunaan fikiran tidak seharusnya dilakukan kecuali oleh orang-orang yang mempunyai ilmu dan syarat-syarat yang perlu ada pada seseorang pentafsir.

## **Ilmu-ilmu Yang Perlu Dimiliki Oleh Pentafsir Al Quran**

Pentafsir perlu memiliki ilmu-ilmu seperti berikut sebelum ia mentafsir al-Quran dengan fikiran.

### **1. Ilmu Bahasa Arab**

Dimaksudkan di sini ialah pengetahuan yang mendalam di dalam bahasa Arab. Dengan pengetahuan ini pentafsir dapat memberikan makna yang tepat terhadap lafaz-lafaz al-Quran. Kata Mujahid: "Tidak harus bagi seseorang yang beriman dengan Allah dan hari akhirat bercakap tentang kitab Allah (mentafsirnya) sekiranya ia tidak mengetahui bahasa Arab."<sup>1</sup>

Termasuk di dalam perbincangan ilmu bahasa Arab ialah:

#### **Ilmu Nahu**

Ilmu Nahu amat penting, kerana makna sesuatu ayat berbeza dengan perbezaan *I'rabnya*, oleh itu pentafsir perlu mengetahuinya.

#### **Ilmu Saraf**

Ilmu Saraf ialah ilmu untuk memahirkan pentafsir dengan binaan lafaz-lafaz ayat. Kata al-Zamakhsyari:

---

<sup>1</sup>Dr. Faruq Hamadah. *Madkhal Illa Ulum al Quran wa al Tafsir*, (al-Maghrib, Maktabah al-Maarif, 1399H), hal. 228.

Di antara tafsiran yang bid'ah ialah mentafsirkan perkataan **يَوْمَ نَبْعَدُ كُلَّ أَنْشَاءٍ إِلَيْنَا** dengan menjadikannya kata 'Jamak bagi perkataan "UMM" (أم) mengikut tafsiran ini manusia akan dipanggil pada hari kiamat nanti dengan nama ibu-ibu mereka dan tidak dengan nama bapa-bapa mereka. Kesalahan tafsiran ini berpunca daripada kejahilan dalam ilmu saraf. Perkataan "أم" sebenarnya tidak boleh dijamakkan dengan "إِمَامٌ", tetapi jamaknya ialah "أَمَّاتٍ".<sup>2</sup>

### Kata Terbitan (اشتغال)

Mengetahui kata terbitan juga penting, kerana setiap *isim* akan berubah maknanya dengan perubahan kata dasarnya ( مصدر ) seperti perkataan "ادکان" adakah kata dasarnya ( المسیح ) atau ( المسیح )

### 2. Ilmu Balaghah

Ilmu ini adalah asas yang utama bagi pentafsir. Perbincangannya meliputi ilmu *al-Ma'ani* membantunya untuk mengetahui keistimewaan susunan kalam (سیاق الكلام) di dalam menunjukkan sesuatu makna. Ilmu *al-Bayan* membantunya untuk mengetahui keistimewaan sesuatu ungkapan "الجملة" yang mana terdapat padanya perbezaan di dalam menunjukkan kepada maknanya yang zahir "جلي" dan maknanya yang tersembunyi "خفی": Manakala ilmu *al-Badi'* pula membantunya untuk memahami aspek-aspek keindahan bahasa Arab.

### 3. Ilmu qiraat

Ilmu qiraat membantu pentafsir dalam mentarjih pendapat-pendapat yang boleh diterima di dalam mentafsir sesuatu ayat.

<sup>1</sup>*Surah al-Isra'*, (17):71

<sup>2</sup>Dr. Abdul Wahhab Faid, *al-Dakhil fi Tafsir al-Qur'an al-Karim* (Cairo, Matbaah al-Hadarah Arabiyah, 1401H.), J. II, hal. 73.

#### **4.Illu Usuluddin**

Illu Usuluddin memampukan pentafsir di dalam mengambil dalil-dalil yang menunjuk kepada perkara-perkara yang wajib, yang mustahil, dan yang harus bagi Allah S.W.T. juga memampukannya memahami ayat-ayat yang berkaitan dengan kenabian, kebangkitan dan sebagainya dengan tepat.<sup>1</sup>

#### **5.Illu Usul al Fiqh**

Dengan ilmu *Usul al Fiqh* pentafsir akan dapat mengetahui cara untuk mengambil hukum daripada ayat-ayat al-Quran. Ilmu ini memampukannya mengenal ayat-ayat yang *mujmal*, *mubbayyan* umum, khusus, mutlak, *muqayyad* serta ayat-ayat yang menunjukkan kepada perintah atau larangan.

#### **6.Illu al-Quran**

Illu ini membantu pentafsir untuk mengetahui kisah-kisah israiliyyat yang dimasukkan ke dalam tafsir al-Quran. Oleh itu ia mampu membezakan di antara yang hak dan yang batil.

#### **7.Illu Nasikh dan Mansukh**

Illu ini amat penting bagi pentafsir kerana sesiapa yang tidak mantap pengetahuannya di dalam ilmu ini mungkin berfatwa dengan ayat yang telah mansukh dan seterusnya melakukan kesalahan yang besar.

#### **8.Illu Hadis dan Sunnah**

Illu ini menjadikan pentafsir seorang yang mengenali hadis-hadis khususnya yang menjelaskan ayat *mujmal* dan ayat *mubham*.

#### **9.Illu Sebab Nuzul**

Illu ini membantu pentafsir memahami maksud ayat dengan betul di samping itu dapat menghindarkan kekeliruan dalam memahami setengah ayat-ayat al-Quran.

---

<sup>1</sup>Abu Syuhbah, *op.cit.*, hal. 33.

## 10. Ilmu al Mauhibah

Ilmu ini ditakrifkan sebagai satu ilmu yang dikurniakan oleh Allah kepada orang-orang yang beramal dengan ilmu-ilmu yang dimilikinya. Ilmu ini diisyaratkan oleh Allah di dalam firman-Nya:

<sup>1</sup> وَاتَّقُوا اللَّهَ وَسَلِّمُوا عَلَيْهِ مَالَهُ

(Dan bertakwalah kepada Allah, dan Allah akan mengajar kamu).

Sesetengah ulama tidak menjadikan ilmu ini sebagai syarat, kerana mereka menganggapnya perkara ini di luar kemampuan manusia. Walau bagaimanapun al-Suyuti menegaskan, ia sebenarnya mampu dicapai oleh manusia, dengan memperbanyakkan amal ibadat dan zuhud. Inilah ilmu-ilmu yang disyaratkan kepada pentafsir sebagai alat untuk memahami al-Quran. Setengah ulama menambah ilmu-ilmu lain seperti sejarah, dan geography yang dikira perlu untuk mengetahui masa dan tempat yang didiami oleh umat-umat yang disebut di dalam al-Quran. Yang paling penting bagi pentafsir selain dari ilmu-ilmu di atas ialah keikhlasan dalam menggunakan ilmu-ilmu tersebut dengan sebaik-baiknya, tanpa terpengaruh kepada aliran tertentu.<sup>2</sup>

### Pembahagian Tafsir Dengan Fikiran

Secara ringkas ulama membahagikan tafsir menggunakan fikiran kepada dua bahagian.<sup>3</sup>

- i. Tafsir *al-Mazmun*: iaitu tafsiran yang dilakukan oleh seseorang yang tidak mempunyai ilmu-ilmu yang diperlukan oleh pentafsir; tafsiran mengikut hawa nafsu atau tafsiran bertujuan menyokong suatu ideologi palsu; atau mentafsir ayat-ayat mutasyabih yang hanya Allah sahaja mengetahui maksudnya.
- 

<sup>1</sup> Surah *al-Baqarah*; (2):282

<sup>2</sup> al-Suyuti, *al-Itqan fi Ulum al Quran* (Cairo, Matbaah al Mashhad al Husaini), J. IV, hal. 188.

<sup>3</sup> al Ghubashi, *op.cit.*, 52; Abu Syuhbah, *op.cit.*, 81, 82.

- ii. *Tafsir al-Mamduh*: iaitu tafsiran berdasarkan ilmu-ilmu yang perlu dimiliki oleh pentafsir seperti yang telah dijelaskan. Lazimnya tafsiran tersebut tidak bercanggah dengan dalil naqli yang sahih dan akal yang waras. Pentafsir hendaklah memberikan tumpuan dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai tafsiran yang tepat.

## Kesimpulan

Menggunakan fikiran di dalam mentafsir al-Quran dibolehkan kepada mereka yang mempunyai ilmu-ilmu yang melayakkannya untuk mentafsir al-Quran. Yang paling penting ialah keikhlasan seseorang pentafsir. Kepada seseorang yang hendak mencebur diri di dalam bidang tafsir seharusnya menilai dirinya dengan seadil-adilnya.